



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

**Pihak-Berkuasa Kemajuan Pekebun-kecil Perusahaan Getah
(Pindaan) 1978**

DR.18/1978

Naskah sah—Bahasa Malaysia

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta bagi meminda Akta Pihak-berkuasa Kemajuan
Pekebun-kecil Perusahaan Getah 1972.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG
oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang
di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan
Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen,
dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Pihak-berkuasa Kemajuan Pekebun-kecil Perusahaan Getah (Pindaan) 1978. Nama.
2. (1) Seksyen 2 Akta Pihak-berkuasa Kemajuan Pekebun-kecil Perusahaan Getah 1972, yang dalam Akta ini disebut sebagai “Akta ibu”, adalah dipinda dengan— Pindaan bagi seksyen 2.
Akta 85.
 - (a) memotong takrif “Menteri” dalam seksyen-kecil (1); dan
 - (b) memasukkan selepas sahaja perkataan “lain,” dalam seksyen-kecil (1) perkataan-perkataan ““Ketua Pengarah” ertinya Ketua Pengarah Pihak-berkuasa yang dilantik di bawah seksyen 11.”
- (2) Seksyen-kecil (1) (a) hendaklah disifatkan sebagai telah berkuatkuasa pada 28hb Julai 1978.

Pindaan bagi
seksyen 4.

3. Seksyen 4 Akta itu adalah dipinda dengan—

(a) memasukkan selepas sahaja perkataan “berikut” dalam baris kedua seksyen-kecil (1) perkataan-perkataan “, kecuali Ketua Pengarah,”;

(b) menggantikan dengan koma bertitik noktah bertindih pada penghujung perenggan (j) seksyen-kecil (1) dan memasukkan selepas sahaja perenggan itu perenggan baru (k) yang berikut:

“(k) Ketua Pengarah:”;

(c) memasukkan selepas sahaja seksyen-kecil (1) seksyen-kecil baru (1A) yang berikut:

“(1A) Bila-bila jawatan Ketua Pengarah kosong, seksyen-kecil (1) hendaklah dibaca seolah-olah perenggan (k) telah dipotong.”;

(d) memasukkan selepas sahaja perkataan “Pihak-berkuasa” dalam baris pertama seksyen-kecil (3) perkataan-perkataan “, lain daripada Ketua Pengarah,”; dan

(e) memasukkan selepas sahaja perkataan “ahli” pada permulaan baris kedua seksyen-kecil (4) perkataan-perkataan “, lain daripada Ketua Pengarah,”.

Penggantian
seksyen 11.

4. Akta itu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 11 dengan yang berikut:

“Perlantikan 11. (1) Maka hendaklah ada seorang Ketua Pengarah bagi Pihak-berkuasa itu yang mana hendaklah dilantik oleh Pihak-berkuasa itu dengan kelulusan Menteri.

(2) Pihak-berkuasa itu hendaklah menguatkuasakan supaya perlantikan Ketua Pengarah disiarkan dalam *Warta*.

(3) Pihak-berkuasa itu boleh melantik pegawai-pegawai atau penjawat-penjawat lain sebagaimana yang difikirkannya patut bagi maksud menjalankan tugas-tugas Pihak-berkuasa itu.

(4) Semua ahli, pegawai dan penjawat Pihak-berkuasa itu hendaklah disifatkan sebagai penjawat awam dalam erti Kanun Kesiksaan.”

N.M.B.
Bab 45.

5. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja seksyen 11 seksyen 11A baru yang berikut: Seksyen 11A baru.

“Tugas-tugas Ketua Pengarah. 11A. (1) Ketua Pengarah hendaklah menjadi ketua pegawai eksekutif Pihak-berkuasa itu dan hendaklah—

(a) bertanggungjawab atas pelaksanaan keputusan-keputusan dasar Pihak-berkuasa itu dan atas pentadbiran am hal ehwalnya;

(b) menjalankan pengawasan dan kawalan ke atas semua pegawai dan penjawat Pihak-berkuasa itu; dan

(c) menjalankan apa-apa tugas lain yang diputuskan oleh Pihak-berkuasa itu, tertakluk kepada apa-apa arahan Menteri, dari semasa ke semasa atau yang diarahkan oleh Pengerusi, tertakluk kepada apa-apa ketetapan Lembaga, dari semasa ke semasa.

(2) Ketua Pengarah hendaklah hadir di tiap-tiap dan sepanjang mesyuarat Lembaga melainkan—

(a) ia tidak dapat berbuat demikian oleh kerana sakit atau tidak berada dalam Malaysia; atau

(b) ia dibenarkan tidak berbuat demikian oleh Pengerusi atau orang yang mempengerusikan mesyuarat itu.”

HURAIAN

Rang Undang-undang ini bertujuan untuk meminda Akta Pihak-berkuasa Kemajuan Pekebun-kecil Perusahaan Getah 1972 bagi maksud mengadakan peruntukan bagi perlantikan dan tugas-tugas Ketua Pengarah Pihak-berkuasa Kemajuan Pekebun-kecil Perusahaan Getah dan bagi memasukannya sebagai ahli Pihak-berkuasa.

2. Rang Undang-undang ini juga bertujuan menghapuskan takrif “Menteri” dalam seksyen 2. Dengan terbentuknya Jumaah Menteri baru pada 28hb Julai 1978, tanggungjawab bagi Pihak-berkuasa Kemajuan Pekebun-kecil Perusahaan Getah jatuh kepada Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah. Ini akan ditunjukkan dalam satu perintah yang dibuat di bawah seksyen 2 Akta Tugas-tugas Menteri 1969. Akan tetapi, oleh sebab takrif “Menteri” dalam seksyen 2 Akta Pihak-berkuasa Kemajuan Pekebun-kecil Perusahaan Getah 1972,

"Menteri yang bertanggungjawab bagi perusahaan getah" adalah masih Menteri yang bertanggungjawab bagi pihak-berkuasa itu, tetapi tanggungjawab bagi perusahaan getah jatuh kepada Menteri Perusahaan Utama. Dengan tujuan menghapuskan anomali ini takrif Menteri adalah dipotong. Dengan pemotongan itu, rujukan dalam Akta kepada "Menteri" menjadi, menurut kuasa seksyen 8 (2) Akta Tafsiran 1967, rujukan kepada Menteri yang, sebagaimana yang ditetapkan di bawah Akta Tugas-tugas Menteri 1969, menjadi Menteri yang bertanggungjawab bagi Pihak-berkuasa itu.

IMPLIKASI KEWANGAN.

Rang Undang-undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan tambahan. [PN. (U²) 923.]